

12/09/1998

Buruh asing tidak terjejas

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet yang turut membabitkan kedudukannya sebagai Pengerusi Kabinet Bagi Pekerja Asing tidak menjejaskan proses permohonan pekerja asing di negara ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata perkara itu tidak memberi kesan terhadap prosedur kemasukan atau penghantaran pekerja asing kerana ia hanya membabitkan dasar.

Menurutnya, pelantikan baru di kalangan menteri bagi mengisi kekosongan itu mungkin diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

"Itu kuasa Perdana Menteri tetapi saya yakin ada pelantikan baru di kalangan menteri Kabinet bagi menguruskan pekerja asing.

"Bagaimanapun, kami belum diberitahu mengenai pelantikan itu tetapi Anwar hanya pengerusi Jawatankuasa Kabinet Bagi Pekerja Asing yang membabitkan hal dasar," katanya selepas melancarkan Kursus Teknologi Maklumat (IT) Pergerakan Pemuda MCA di Kolej Informatics, di sini hari ini.

Lim berkata, prosedur permohonan dan proses kelulusan tetap seperti biasa meskipun Anwar tidak lagi menjadi pengerusi.

"Sebelum ini proses itu diuruskan jawatankuasa bertindak lain yang diketuai Kementerian Dalam Negeri (KDN).

"Ia tidak akan menjejaskan proses kelulusan kerana semua permohonan masih diuruskan KDN," katanya.

Selain itu, Lim berkata, majikan yang menawarkan Skim Pemberhentian Kerja Sukarela (VSS) perlu tulen dan telus dalam mengambil langkah itu bagi mengelakkan unsur paksaan terhadap pekerja menandatangani.

"Majikan perlu bertimbang rasa dan bertindak penuh kemanusiaan dalam menangani isu ini tanpa menjadikan VSS alasan membuang pekerja mereka.

"Tanpa dua unsur itu, paksaan mungkin akan berlaku," katanya mengulas siasatan Jabatan Buruh terhadap lima pengurus cawangan MBF Finance yang mengenakan unsur paksaan terhadap beberapa pekerjanya untuk menandatangani borang pemilihan Skim VSS.

(END)